

ISLAM SIAH DAN KEBANGSAAN

KERAJAAN DI DALAM ISLAM BUKAN PUSAKA TURUN-MENURUN

Makalah ini ialah bahagian yang akhir yang kita ambil daripada karangan Dr Taha Hussein di dalam bukannya yang bernama “Al-Fitnat Al-Kubra” tentang perkara-perkara dasar pemerintahan dan persamaan di dalam Islam terutamanya yang ditaja oleh Umar Ibnu Al-Khattab yang masyhur adil dan bijaksana dalam mentadbir pertadbiran di dalam jajahan-jajahan Islam yang semenjak daripada masa itu telah mulai luas jajahannya.

JANJI DIUTAMAKAN (6)

(Sambungan Qalam bilangan 12)

Kata Dr Taha Hussein: dalam semua tempat-tempat yang disebutkan dalam rencana yang lalu dan di dalam beberapa tempat yang lain Rasulullah telah bermesyuarat dengan sahabat-sahabatnya dan telah menerima syor-syor mereka dengan redha atau pun dengan kerana beralah dalam masa berlaku peristiwa yang terkenal dengan nama “Yaumul Hudabiyah” Rasulullah telah bermesyuarat dengan sahabatnya-sahabatnya setelah kaum Quraisy (penduduk Mekah) menegahnya dan sahabat-sahabatnya masuk ketanah suci bagi mengerjakan Haji pada tahun itu.

Sahabat-sahabatnya telah berang mendengar tegahan yang tersebut, tetapi Rasulullah mendesak supaya mereka beralah setengah sahabat-sahabatnya setelah mendengar perdirian Rasulullah itu telah menunjukkan perasaan tidak puas hati sehingga Umar Ibnu Al-Khattab telah berkata : mengapa pula kita mesti beralah?!”

Pada ketika inilah ketara pada wajah Rasulullah perasaan marah yang demikian Rasulullah pun bersabda : “Inna Rasulullah wa abduh” (aku pesuruh Allah dan hambaNya). Dengan jawapan Rasulullah yang demikian itu maka sahabat-sahabat pun mengerti dan faham bahawa perkara itu bukanlah perkara yang mesti dimesyuarat atau dirundingkan lagi – hanya sanya ialah suatu perintah Allah yang diwahyukan dan yang masih diturut. Mereka pun bertaubat kepada Allah dan meminta maaf

kepada Rasulullah; dan dengan kerana kejadian itu Allah telah menurunkan firmannya – “Inna fatahalaka fathan mubina” (dalam ayat ini Allah telah menyatakan bagaimana Rasulullah datang mengalahkan Mekah dengan pertolongannya – P).

Sekiranya hendak disebutkan di sini tempat-tempat yang kerananya Rasulullah (SAW) telah bermesyuarat nescaya terpaksa ditulis lebih lanjut rasanya memadailah ditulis dengan kejadian-kejadian yang disebutkan itu sebagai suatu keterangan yang tepat dan nyata yang menjadi tanda bahawa cara pemerintahan pada zaman Rasulullah tidaklah semuanya diturunkan dengan jalan wahyu hanya sanya wahyu itu memimpin Rasulullah dan sahabat-sahabatnya kepada semua maslahat mereka yang umum atau yang khas dengan tidak menghalangi kebebasan mereka mentadbir hal ehwal dunia mereka mengikut apa yang disukai mereka di dalam kawasan-kawasan yang hak, berkeadilan dan berdasarkan keadilan.

Molek juga disebut di sini bahawa dalil yang terang dan menjadi kata pemutus di dalam perkara itu – bahawa Al-Quran tidak menyusun dan mengatur soal siasat dengan panjang lebar. Hanya sanya ia memandu dan menyuruh supaya adil, berbuat baik dan bantu-membantu bertolongan-tolongan terutamanya kepada kaum kerabat serta menegah daripada melakukan segala jenis kejahatan.

Al-Quran hanya meletakkan garis besarnya sahaja dan kemudian memberikan mereka mentadbir hal ehwal mereka mengikut apa yang mereka kehendaki tetapi dengan syarat tidak melampau semua perenggan-perenggan atau sempadan-sempadan yang telah digores itu.

Rasulullah juga tidak menyebut di dalam hadisnya suatu pemerintahan atau susunan dan Rasulullah tidak menentukan siapa yang menjadi khalifah kemudian daripada wafatnya dengan suatu surat perjanjian yang bertulis ataupun akuan yang tidak bertulis. Baginda hanya menyuruh Saidina Abu Bakar menjadi imam sembahyang, dan dengan kejadian itu orang-orang Muslimin telah menjadikannya sebagai suatu dalil lalu mereka berkata : “jika Rasulullah telah bersetuju melantik Abu Bakar mengetuai urusan agama kami (yakni imam sembahyang) maka apakah yang menghalangi jika kita melantiknya menjadi ketua bagi urusan dunia kami.”

Dengan keterangan itu telah zahir bahawa sekiranya orang Islam ada mempunyai susunan pemerintahan yang diwahyukan dari langit maka akan ada terbentang di dalam Al-Quran atau pun telah diterangkan oleh Rasulullah akan asal usulnya dan perenggan-perenggan, serta telah difardhukan kepada orang Islam beriman dengannya dan tunduk menerimanya dengan tidak bersoal jawab lagi.

Suatu kejadian lagi yang menunjukkan bahawa cara pemerintahan pada zaman Rasulullah dan kedua-dua khalifahnyanya – Abu Bakar dan Umar – tidak diwahyukan dari langit ialah bahawa cara perjanjian yang telah dilakukan oleh Rasulullah bagi orang Islam. Sekalian orang mengetahui bahawa Rasulullah telah menyeru sahabat-sahabatnya bersiap sedia untuk peperangan “Badar” tetapi ia tidak memaksa mereka. Mereka hanya diseru dan digalakkan untuk memasuki peperangan itu dan kepada mereka telah dijanjikan bahawa mereka akan menerima salah satu antara dua yang baik iaitu berjaya memulau seteru yang merbahaya kepada mereka ataupun mereka mati syahid.

Ada pun janji yang telah dijanjikan baginda dengan kaum Ansar ialah bahawa Rasulullah tidak akan mengarah mereka berperang dan mereka tidak mesti membela baginda apabila didatangi sesuatu bahaya. Tatkala berlaku peperangan Badar maka Rasulullah telah bermesyuarat dengan sahabat-sahabatnya dan meminta fikiran masing-masing. Pada ketika itu kedengaran ketua-ketua sahabat Ansar berkata: “Sekiranya tuan membawa kami menempuh laut ini sekalipun nescaya kami sedia mengikut tuan.”

Rasulullah faham bahawa sahabat-sahabat daripada kaum Ansar telah bersetuju hendak keluar berperang bersama-sama dengannya.

Demikian juga sekalian orang mengetahui bahawa Rasulullah tidak mengarah sahabat-sahabatnya memerangi kaum Quraisy tatkala kaum Musyrikin memecahkan janji dan memperdaya Saidina Uthman pada hari “Al-Hudaibiyah” yang berperistiwa itu. Baginda menyeru kepada yang demikian tetapi tiba-tiba mereka telah mengikat janji setia hendak sehidup semati dengan baginda sekiranya ada di antara mereka pada masa itu yang angkuh keluar berperang maka orang itu tidak pula akan dipandang salah kerana daripada permulaannya mereka tidak terikut kepada yang demikian itu. Sekaliannya telah sanggup berperang dan kalah mengikut janji taat setia kepada Rasulullah kerana mereka berimankan baginda dan beriman kepada Allah yang melantiknya menjadi pesuruhnya serta mereka sedia menyahut seruan Rasulullah pada bila-bila masa jua pun.

Berkenaan perjanjian tersebut maka Tuhan telah menurunkan ayat di dalam surah Al-Fatihah (yang maksudnya): “Bahawasanya mereka yang mengikut janji setia denganmu (ya Muhammad) hanya sanya mereka berikat janji setia dengan Allah, tangan (kudrat) Allah di atas tangan mereka...”

Di dalam Al-Quran banyak ayat-ayat yang menggambarkan orang-orang yang beriman kepada berjihad dan menyeru mereka kepadanya serta memberi ingat kepada mereka yang telah tidak dapat mencampurkan diri mereka di dalam berjihad itu bahawasanya Allah dan Rasulnya telah menerima uzur mereka. Tetapi bagi orang-orang yang sengaja mengelakkan diri daripada keluar berjihad dan membuat uzur-uzur palsu maka sudah tentu keuzuran yang demikian itu tidak akan diterima. Sungguhpun baginda Rasulullah tidak juga menyalahkan golongan itu atau menjatuhkan sesuatu hukuman ke atas mereka hanya satu baginda menyerahkan hal mereka kepada Allah – jika di kehendaknya diazabkan mereka ataupun diampunkan.

Daripada keterangan-keterangan yang tersebut teranglah bahawa asas pemerintahan “Al-Khalifah Al-Islamiah” itu terdiri di atas “Al-Baiah” yakni perjanjian taat setia pihak rakyat jelata yang telah diikat dengan keredhaan mereka sendiri dan

dari semenjak itu kerajaan Islam menjadi suatu ikatan janji di antara pemerintah dengan rakyat jelata (yang diperintah); pemerintah akan mengikat janji bahawa mereka akan memerintah orang Islam dengan hak dan adil dan akan mengutamakan maslahat - maslahat rakyat jelata serta dengan seberapa daya upaya mereka dalam masa mereka mengemudikan kerajaan akan menurut jejak Rasulullah (SAW) sedang orang ramai Muslimin pula dikehendaki mereka mengikut janji bahawa mereka sedia taat setia menjunjung perintah dan memberi nasihat serta menolong dan membantu kepada pemerintah.

Rasanya tidak syak lagi bahawa tidak ada seorang khalifah daripada khalifah – khalifah Islam yang telah menjalankan kekuasaan-nya melainkan setelah ia memberi pengakuan (mengikat janji) dengan orang ramai dan mengambil pengakuan mereka pula. Setelah itu barulah ia menjalankan urusan pemerintahan mengikut pengakuan-pengakuan yang berbalas di antara kedua-dua pihak seperti yang disebutkan di atas tadi. Dengan demikian maka kerajaan Islam itu tidaklah ia menjadi pusaka yang turun-menurun dan tidak keluarga Rasulullah mempusakainya daripada Rasulullah; Abu Bakar yang telah menjadi khalifah tidak juga mempusakainya kerajaan daripada Rasulullah hanya sanya Abu Bakar menerima tampok memerintahan daripada orang-orang Islam yang telah mengikat janji taat setia (me-bai'ah) dan keredhaan mereka melantiknya menjadi khalifah Al-Muslimin. Ia tidak juga menjadikannya pasak turun-menurun kepada anak-anaknya ; Saidina Umar juga tidak menerima kerajaan itu daripada tangan Saidina Abu Bakar sekalipun Abu Bakarlah yang telah melantik Umar menjadi khalifah tetapi lantikan itu hanya semata-mata sebagai suatu cadangan jua dan kata pemutusnya adalah terletak di dalam genggamannya orang ramai Islam.

Dalilnya dalam perkara ini ialah cadangan Abu Bakar melantik Umar menjadi khalifah tak dapat dijalankan melainkan setelah orang Islam bermesyuarat dan kemudiannya bersetuju di atas cadangan-cadangan yang tersebut. Keterangan ini disokong lagi oleh suatu keterangan yang meriwayatkan bahawa tatkala Uthman Ibnu Aafan keluar membawa cadangan Abu Bakar yang termeterai di dalam sebuah sampul surat yang bertutup (Saidina Abu Bakar

pada masa itu masih hidup lagi) maka Uthman berkata kepada orang ramai :” adakah tuan-tuan akan suka melantik dan mengaku taat setia kepada orang yang tersebut namanya di dalam surat ini?” mereka pun mengaku bersetuju kerana mereka sangat percaya kepada segala cadangan Saidina Abu Bakar dan menghargai segala nasihat-nasihatnya.

Anak-anak Umar Al-Farouk pula tidak dapat mempusakai kerajaan itu daripada ayahandanya. Saidina Umar hanya membenarkan anaknya Abdullah mengambil bahagian di dalam mesyuarat memilih khalifah baru dengan syarat anaknya itu tidak menuntut sesuatu pun di dalam urusan kerajaan. Oleh yang demikian maka tidak molek sekiranya orang ramai telah mengutuk cara menjadikan kerajaan Islam itu suatu pasak yang dipusakai turun-menurun sebagaimana yang dilakukan oleh mengawih dan raja-raja yang kemudian daripadanya iaitu seakan-akan mengikut kaedah dan perjalanan raja-raja Parsi dan raja-raja Rom.

Sekiranya apa-apa yang telah disebutkan itu ada mendatangkan sesuatu penjelasan maka penjelasan ini adalah menunjukkan bahawa cara pemerintahan zaman Rasulullah bukanlah semata-mata diwahyukan dari langit bahkan adalah ia berasas kepada susunan tadbir yang di bentuk oleh manusia. Jika demikian itulah halnya pada zaman Rasulullah iaitu zaman yang di dalamnya turun wahyu maka sudah tentulah sesuai lagi keadaan ini berlaku pada zaman kedua-dua sahabat beginda, Abu Bakar dan Umar iaitu zaman yang di dalamnya segala wahyu telah terhenti.

Orang yang menyangka susunan pemerintahan di dalam peringkat ini (zaman Rasulullah, Abu Bakar dan Umar) berasas wahyu yang di turunkan oleh Allah maka mereka ini dengan sangkaan-sangkaannya adalah semata-mata terpedaya. Yang sebenarnya asas pemerintahan Islam itu terbina di atas perjanjian yang telah dimeteraikan di antara orang ramai dan khalifah-khalifah mereka; Tuhan menyuruh orang Islam menyempurnakan janji-janji tatkala mereka memeteraikan sesuatu perjanjian; perjanjian itu sama sahaja adakah perjanjian berhubung dengan urusan pemerintahan atau berhubung dengan perhubungan luar atau pun berhubung diantara orang ramai sesama sendiri. Tuhan memerintah supaya janji-janji itu

Berjuta-juta orang sukakan

BROOKLAX

Pencahar Coklat



Perut tidak memulas
Perut tidak perit

Menghapuskan
sembelit
dengan sekelop mata

Boleh dapat dibeli daripada kedai ubat atau kedai yang terkemuka

Pembahagi

NAINA MOHD. & SONS LTD.
Singapore, Kuala Lumpur, and Penang.

WASIAT YANG BERHARGA

Serahkanlah puji-pujimu kepada pekerjaan-pekerjaanmu kerana pekerjaan-pekerjaan itu akan memuji dengan benar hak kamu berbuat baik dan akan mencela kamu jika kamu berbuat jahat.

– kata seorang hakim.

-----*-----*-----

Kebaikan yang tidak ada kejahatan padanya itu ialah bersyukur terhadap kepada nikmat dan sabar pada masa kecelakaan. – kata seorang hakim.

-----*-----*-----

Tidak ada simpanan yang lebih berguna daripada ilmu; tidak ada sesuatu yang lebih beruntung daripada adab; tidak ada kawan yang lebih bagus daripada akal; dan tidak ada benda ghaib yang lebih dekat daripada mati. – kata seorang hakim.

-----*-----*-----

Tidak ada sesuatu yang lebih berguna daripada benar; tidak ada kejahatan yang lebih buruk daripada dusta; tidak ada ibarat yang lebih utama daripada diam; dan tidak ada cela yang lebih buruk daripada bakhil. – kata seorang hakim.

-----*-----*-----

Seorang itu tidak akan dipandang hebat selama ia diam dan apabila ia berkata-kata maka akan bertambah hebatnya atau akan jatuh darjatnya. – kata seorang hakim.

-----*-----*-----

Jangan engkau tinggalkan memberi nasihat kepada ahlimu kerana engkau akan ditanya kelak berkenaan dengannya. – kata seorang hakim.

-----*-----*-----

Gunakanlah peluang dan kelapangan kamu bagi menanam budi supaya menjadi simpanan bagi kamu dalam masa susah dan bagi peninggalan kamu di akhir kelak. – kata seorang hakim.

dihormati; dan Tuhan mengetahui akan hamba-hambanya tatkala mereka menyempurnakan janji-janji itu tatkala mereka memecahkan janji-janji itu. Tuhan jua akan memberi pahala-pahala kepada sesiapa yang menyempurnakan janji-janjinya dan Tuhan juga akan membalas dengan seksa-seksa yang pedih kepada sesiapa yang mungkir kepada janji-janjinya.

Islam ialah suatu agama yang menyuruh berbuat baik dan menegah melakukan kejahatan; Islam menghendaki supaya hal ehwal orang ramai berjalan di atas keadilan dan terjauh daripada kezaliman; sesudah itu Islam telah memberi peluang kepada pemeluk-pemeluknya supaya mereka mentadbir hal ehwal mereka mengikut apa yang di pandang mereka sesuai dengan syarat tidak melangkah atau melanggar batas-batas yang tersebut.

Kesimpulannya tidaklah cara pemerintahan pada zaman Rasulullah itu berdasar “Teokrat” (pemerintah Tuhan semata-mata) bahkan adalah ia suatu urusan daripada urusan manusia terjadi di dalamnya kesalahan dan kebenaran dan rakyat Islam berhak menerimanya dengan redha atau pun membantahnya.